

# FORMAT PERTANDINGAN MUSABAQAH HAFAZAN AL-QURAN (MINI ULUL ALBAB)

KATEGORI : 1. Lelaki  
2. Perempuan

PENYERTAAN : MRSM Mini Ulul Albab

## **SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

1. Peserta **terbuka kepada pelajar Tingkatan 1 hingga 5.**
2. Peserta hendaklah terdiri daripada pelajar MRSM yang menuntut di MRSM Mini Ulul Albab.
3. Setiap maktab hendaklah menghantar 1 peserta lelaki dan 1 peserta perempuan. Walau bagaimanapun maktab yang tidak dapat menghantar peserta bagi setiap kategori adalah dibenarkan.
4. Setiap peserta hanya boleh menyertai satu kategori pertandingan sahaja.
5. Surah yang akan diuji adalah surah ***Al-Sajdah, Al-Mulk, Yasin, Al-Insan*** dan **juzu' 30.**
6. Peserta yang **gagal** memenuhi syarat-syarat di atas maka penyertaannya **terbatal.**
7. Pakaian baju melayu kebangsaan bagi lelaki dan baju kurung/jubah bagi perempuan.

## **BENTUK UJIAN**

1. Setiap peserta diuji hafazan Al-Quran melalui beberapa potongan ayat daripada surah-surah yang ditetapkan.
2. Peserta dikehendaki mempersembahkan bacaan hafazannya mulai daripada ayat-ayat yang dikemukakan mengikut arahan *Hakim Fatih*..

## **PILIHAN DAN PENENTUAN AYAT**

1. Setiap peserta dikehendaki memilih satu sampul surat yang mengandungi ayat-ayat yang ditentukan.
2. Peserta akan diuji dengan 3 soalan hafazan.
3. Setiap peserta tidak mengetahui ayat-ayat yang dipilihnya melainkan setelah ayat-ayat itu dikemukakan kepadanya oleh Hakim Fatih.

## **CARA MENGEMUKAKAN SOALAN**

1. *Hakim Fatih* akan mengemukakan soalan dan peserta dikehendaki memulakan bacaan mengikut arahan *Hakim Fatih*.
2. Peserta yang melakukan kesilapan bacaan akan ditegur oleh *Hakim Munabbih*.
3. *Hakim Fatih* boleh menamatkan bacaan peserta pada bila-bila masa sahaja jika difikirkan perlu.

### **JENIS DAN CARA BACAAN**

1. Peserta hendaklah membaca riwayat *Hafs (Toriq Shatibi)*.
2. Peserta dikehendaki mempersembahkan hafazan secara *tadwir* sahaja.

### **SISTEM PEMARKAHAN**

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>
Kelancaran hafazan	40 markah
Hukum tajwid	30 markah
Fasohah	20 markah
Suara & Gaya	10 markah

**\*\***Jika markah sama dikalangan peserta, hakim akan merujuk kepada markah kelancaran diikuti markah tajwid

### **PERINGATAN**

1. Keputusan hakim adalah muktamad.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Hafazan Mini Ulul Albab** boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan iaitu **Ustaz Mohd Firdaus Bin Mohd Nasir** di talian **013-6697637**.
3. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian) : **16 Jun 2017 (Jumaat)**.